

30/04/2001

Prestasi Dow terus tekan pasaran Asia

Fred Tam

ANGKA tunjuk utama pasaran, Indeks Komposit (IK) di Bursa Saham Kuala Lumpur mencatat kenaikan sederhana minggu lalu apabila mengakhiri dagangan 10.20 mata lebih tinggi atau 1.77 peratus kepada 585.87 mata. Kenaikan itu ialah yang ketiga mingguan selepas ia menjunam 70 mata daripada 647 kepada 577 pada minggu berakhir 6 April lalu.

Selepas itu, kegiatan pembelian berpilih saham murah kelihatan berlaku manakala penyederhanaan kejatuhan kaunter mewah, seperti Tenaga, Maybank dan Telekom (TMT) membantu kestabilan IK. Secara mingguan, Tenaga naik 60 sen kepada RM9.85, Telekom naik 50 sen kepada RM9.20 manakala Maybank kukuh 35 sen menjadi RM9.90. Pada masa yang sama, saham murah dan papan kedua juga menunjukkan minat belian yang baik bagi membantu indeks Papan Kedua dan Emas mengakhiri minggu lalu dalam jajaran positif.

Dalam pada itu, mungkin wajar untuk kita bertanya, wujudkah apa-apa berita yang membantu kenaikan itu minggu lalu? Selain spekulasi pasaran mengenai kemungkinan perubahan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, mungkin tiada berita lain yang boleh memberi kesan kepada pasaran. Spekulasi itu timbul selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan Daim mengambil cuti panjang. Tiada berita lain yang boleh melonjak atau menurunkan pasaran minggu lalu. Oleh itu, penganalisis berkata, kestabilan yang berlaku ialah berikutan pengurus dana mengambil pegangan dalam beberapa kaunter utama yang disifatkan sudah berada pada tahap murah.

"Apa yang berlaku ialah pembelian ketika murah tetapi jumlah dagangan masih terlalu kecil dan belum boleh menjanjikan apa-apa," kata seorang peniaga. "Indeks Utama kini diniagakan pada kadar 12 kali anggaran pendapatan, tetapi masih jauh di bawah purata 20 kali di mana ia berada sejak 10 tahun lalu. Tetapi, ketika petunjuk memberi gambaran harga saham Malaysia adalah murah, masih ramai yang lebih khuatir mengenai kesan kebimbangan ekonomi Amerika Syarikat," lapor sebuah agensi berita asing.

Kesan jumlah dagangan kecil yang dicatatkan TMT minggu lalu, adalah terlalu awal untuk mengatakan bahawa pasaran kini sudah bersedia mengubah hala tuju. Memang tidak dinafikan, BSKL kelihatan sudah bersedia untuk lonjakan seketika tetapi lonjakan yang berlaku ini mungkin sekadar satu aliran naik kedua. Charles H Dow mendefinisikan aliran kedua ini sebagai sesuatu yang akan mengubah kaunter untuk memasuki aliran perdana. Soalnya ialah aliran perdana BSKL ketika ini masih menurun.

Apa yang kita lihat minggu lalu mungkin sama dengan kenaikan 19-sesi yang berlaku di antara 3 Januari hingga 2 Februari lalu di mana IK melonjak daripada 657 kepada 736 mata. Jika inilah keadaannya, maka kita tidak boleh mengharap pasaran untuk melonjak banyak minggu ini. Syor kami bahawa paras halangan semasa ialah pada 596, 611 dan kemudian 626 mata, masih kekal.

Seperti yang dapat diperhatikan, sepanjang bulan lalu IK masih dibelenggu aliran ke bawah paras halangan, manakala kedua-dua petunjuk stochastic dan MACD masih belum menerima sebarang isyarat positif. Dalam pada kenaikan stabil Dow membantu IK minggu lalu, kami menjangka ia akan memasuki peringkat penurunan semula kepada paras 10,500 mata selepas lemah kepada 9,106 pada 22 Mac 22. Pecahan kepada bentuk intan ini masih dianggap penting kerana ia memberi gambaran kemungkinan pasaran kembali memasuki fasa lemah. Oleh itu, Dow mungkin turun untuk menguji paras 8,300. Aliran berbentuk intan ini bagaimanapun akan berakhir jika Dow

mampu untuk naik melepasi paras 11,000. Jika ini berlaku, bentuk intan ini akan berubah menjadi satu kesinambungan.

Sehubungan itu, prestasi Dow yang lemah akan terus memberi tekanan kepada pasaran Asia. Jika sekalipun kesan jangka panjang Dow mungkin bermakna aliran masih wang panas ke pasaran tempatan, kesan semertanya mungkin bermakna pasaran akan mengalami fasa jualan. Sehingga ini, unjuran prestasi Dow kelihatan menghantui kita tetapi bantuan pemotongan kadar faedah Rizab Persekutuan dapat melonjakkannya sebanyak 399 mata pada 18 April lalu.

Soalnya, bolehkah Rizab Persekutuan mengembalikan semula aliran dan sentimen pasaran di Amerika Syarikat jika ia sekali lagi mengumumkan pemotongan kadar faedah? Ini kerana jika ia boleh sekali pun, ia bergantung kepada sentimen yang ketika ini nampaknya sedikit pulih kerana semakin banyak yang menjangka angka jualan membayangkan pemulihan segera. Masalahnya bagaimanapun ialah kenaikan itu mungkin terhalang oleh penjualan daripada mereka yang sebelum ini terperangkap ketika Dow berada di paras melebihi 10,800 mata sebelum ini.

Di peringkat serantau pula, masih wujud kebimbangan yang mendakwa bahawa kejatuhan berterusan nilai rupiah, baht dan yen mungkin terus memberi tekanan kepada Malaysia untuk menilai semula kadar ringgit. Memang isu itu sudah tenggelam sejak kira-kira dua minggu lalu tetapi pasaran nampaknya masih belum mahu melupakannya sama-sekali. Ketidaktentuan politik di Indonesia sepanjang minggu lalu membimbangkan pelabur. Adalah tindakan bijak untuk sentiasa meneliti perkembangan itu untuk mengetahui jika ia menjurus kepada lebih buruk.

BSKL pada umumnya dijangka terus mencatat kenaikan minggu ini. Bagaimanapun, kejatuhan panjang yang berlalu sebelum ini terlalu sukar dihapuskan. Kami menjangka penjualan daripada mereka yang membeli ketika harga tinggi akan menekan kenaikan serta kemungkinan tekanan jualan daripada TMT yang umumnya sudah melantun 38 peratus kini berbanding harganya pada paras rendah 10 April lalu. Pembelian seterusnya perlu dibuat secara amat berhati-hati.

(END)